



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA
NOVEMBER 2025**

**Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia meningkat 4.3 peratus
pada November 2025, didorong oleh momentum positif
dalam kesemua sektor**

PUTRAJAYA, 9 JANUARI 2026 – Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia meningkat 4.3 peratus tahun ke tahun pada November 2025, didorong oleh momentum positif dalam kesemua sektor. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia November 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) kekal positif pada November 2025, mencatatkan pertumbuhan 4.3 peratus tahun ke tahun (Oktober 2025: 6.0%). Kenaikan tersebut terutamanya dipacu oleh sektor Pembuatan yang meningkat 4.9 peratus (Oktober 2025: 6.5%) dan pertumbuhan 2.3 peratus dalam pengeluaran sektor Perlombongan (Oktober 2025: 5.8%). Selain itu, output Elektrik meningkat 2.7 peratus berbanding 1.8 peratus yang direkodkan pada bulan lalu. Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP menurun kepada negatif 1.1 peratus daripada positif 2.1 peratus pada Oktober 2025.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Pertumbuhan stabil dalam output sektor Pembuatan disokong oleh industri berorientasikan eksport, meningkat sebanyak 5.0 peratus berbanding positif 7.2 peratus yang direkodkan pada Oktober 2025. Peningkatan ini terutamanya dipacu oleh pertumbuhan dua digit dalam Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal yang merekodkan kenaikan 10.7 peratus (Oktober 2025: 14.2%); diikuti oleh Pembuatan kelengkapan elektrik iaitu 13.9 peratus (Oktober 2025: 9.3%). Tambahan pula, Pembuatan jentera & peralatan t.t.t.l. turut mencatatkan momentum positif yang berterusan sebanyak 9.0 peratus berbanding 11.3 peratus pada bulan terdahulu. Ini adalah selari dengan prestasi eksport negara yang mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan iaitu 7.0 peratus pada November 2025 selepas mengalami pertumbuhan 15.7 peratus pada bulan sebelumnya.

Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport menurun kepada negatif 1.8 peratus daripada positif 0.9 peratus pada Oktober 2025.

Sementara itu, industri berorientasikan domestik bertumbuh sederhana sebanyak 4.6 peratus berbanding peningkatan 4.9 peratus yang dicatatkan pada Oktober 2025. Pertumbuhan berterusan ini didorong terutamanya oleh momentum stabil yang direkodkan dalam Pembuatan produk prosesan makanan; dan Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan masing-masing mencatatkan kenaikan 9.5 peratus dan 5.1 peratus. Berbanding dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik memulih kepada 2.3 peratus berbanding negatif 1.2 peratus yang dicatatkan pada bulan terdahulu.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, “Pengeluaran sektor Perlombongan pada November 2025 bertumbuh dengan kadar lebih perlahan iaitu 2.3 peratus disumbangkan oleh pertumbuhan dalam kedua-dua komponen iaitu indeks Minyak Mentah & Kondensat meningkat 4.3 peratus dan diikuti oleh indeks Gas Asli yang menaik 1.0 peratus. Berbanding bulan sebelumnya, indeks Perlombongan merosot 3.1 peratus berbanding positif 10.1 peratus yang direkodkan pada Oktober 2025. Sementara itu, penjaan Elektrik meningkat 2.7 peratus tahun ke tahun pada November 2025. Perbandingan dengan Oktober 2025, indeks Elektrik menurun 3.0 peratus.”


Melihat kepada prestasi beberapa negara lain, IPP mencatatkan pertumbuhan sederhana bagi China (4.8%) dan Singapura (14.3%) pada November 2025. Sebaliknya, Vietnam (10.8%), Taiwan (16.4%) dan Korea Selatan (-1.4%) menunjukkan trend peningkatan pada bulan ini. Selain itu, Japan (-2.1%) dan Thailand (-4.2%) mengalami penurunan pertumbuhan pada November 2025.

Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi sebelas bulan pertama tahun 2025, Ketua Perangkawan berkata, “IPP bertumbuh pada kadar lebih perlahan iaitu 3.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (Januari - November 2024: 3.6%) dipengaruhi oleh indeks Pembuatan (4.3%), diikuti oleh indeks Perlombongan dan indeks Elektrik masing-masing merekodkan pertumbuhan 0.9 peratus dan 0.5 peratus.”


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,
November 2024 - November 2025**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
November 2024 - November 2025**




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Oktober 2025 dan November 2025**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, November 2024 - November 2025



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Oktober 2025 dan November 2025



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Oktober 2025 dan November 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
9 JANUARI 2026